

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)**www.ijhpl.com**SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH BIN IDRIS AL FATANI:
TOKOH ULAMA NUSANTARA ABAD KE 19: RIWAYAT HIDUP
DAN PERANANNYA DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM***SHEIKH DAUD BIN ABDULLAH BIN IDRIS AL-FATANI: A GREAT SCHOLAR
OF MALAY ARCHIPELAGO IN 19TH CENTURY: HIS BIOGRAPHY AND ROLES
IN ISLAMIC EDUCATION*Adli Yaacob¹

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:**Article history:**

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al Fatani: Tokoh Ulama Nusantara Abad Ke 19: Riwayat Hidup Dan Peranannya Dalam Bidang Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 107-128.

DOI: 10.35631/IJHPL.416007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kajian ini berkaitan riwayat hidup dan peranan Syeikh Daud al-Fatani yang merupakan ulama' yang memperjuangkan agama Islam dengan mata pena. Perjuangannya yang asasi adalah memantapkan fahaman aqidah umat berteraskan ahli sunnah wal Jamaah dan dalam mazhab Fiqhnya Shafie. Al-Fatani lebih cenderung menghasilkan penulisan ilmiah dengan menterjemah buku dan karya Bahasa Arab ke Bahasa Melayu yang digarap semula bersama sentuhan gaya bahasa klasik. Walaubagaimanapun, istilah dan gaya penulisan Arab masih dikekalkan supaya masyarakat dapat menjiwai karya-karyanya dengan lebih mendalam. Beliau telah menghasilkan dua karya pertamanya pada tahun 1809 masihi sewaktu beliau berumur 35 tahun. Semangat dan jiwa keislaman al-Fatani jelas terpancar didalam dirinya yang diasuh dan dididik dengan satu bentuk latihan keislaman seawal umurnya lapan tahun. Al Fatani adalah lambang seorang tokoh ulama yang uniq. Beliau lahir mempertahankan aqidah umat Islam yang dicabar oleh perubahan yang mula dibawa oleh penjajah Barat di kawasan Nusantara. Dalam masa ini banyak tokoh Islam muncul mempertahankan maruah umat Islam yang dijajah seperti Imam al-Shamil di Rusia, Sheikh Jamaluddin al Afghani, Sheikh Waliyullah al Dahlawi di India dan banyak lagi. Beliau adalah tokoh intelektual Melayu yang rendah diri tetapi mempunyai nilai keilmuan yang tinggi.

¹ Profesor Madya Dr. Adli Bin Yaacob, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Kata Kunci:

Kitab, Pendidikan, Agama Islam, Kesedaran, Kegigihan, Ikhlas, Iman, Taqwa, Karya.

Abstract:

This study revolves around the life of Sheikh Daud al-Fatani and his vital role as a Muslim scholar who fought for Islam through his writings. His fundamental fight was to strengthen Muslims' faith in line with Ahl ul-Sunnah Wa al-Jamma and Syafie sect in Fiqh. Al-Fatani often wrote academic writings by translating Arabic books into Malay language which were also edited by using his own classical style of language. However, Arabic terminologies and writing style were still maintained by him so that readers could savor the words and have in-depth understanding of the topic. He produced his first two works in 1809 A.D when he was 35 years old. His Islamic spirit and soul was evident in him who was nurtured with Islamic education since he was eight. Al-Fatani is a representation of unique Muslim scholar. He was born to preserve Muslims' faith that was provoked by the transformations of Western colonizers in Malay Archipelago. During this time, there appeared many other Muslim scholars who defended Islam and its believers such as Imam al-Shamil in Russia, Sheikh Jamaluddin al-Afghani, Sheikh Waliyullah al-Dahlawi in India and many more. Al-Fatani was a down-to-earth Malay intellectual but deep inside, he had an invaluable knowledge.

Keywords:

Kitab, Education, Religion Of Islam, Awareness, Dedication, Ikhlas, Iman, Taqwa, Writing

Pendahuluan

Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al-Fatani. (1769-1847m)

Kisah asal nama PATTANI

“ Hikayat, katanya raja ini telah menang perang. Dia mencari tempat bumi subur hendak membuat kota akan dia. Maka adalah orang hidup mencari makanan dua jalan. Satu menangkap ikan di laut dan satu lagi jalan bercocok tanam. Maka digelar orang TOK TANI. Adalah TOK TANI itu menjadi ketua kampung itu. Maka orang-orang pun memanggil TOK TANI. Syahdan, maka adalah raja pun dipersembah orang bahawasanya pada tempat TOK TANI itu sangat-sangat subur tanahnya dan musim pun layak dengan kota raja. Lalulah raja pergi membina kota di kampung TOK TANI itu, tetapi orang-orang kampung panggil akan dia PAK TANI baginya, lalulah nama negeri itu PATANI seperti sekarang ini. ”²

Mengintai tirai sejarah Pattani seolah-olah menggesa kita menyusuri sumbangan para cendekiawan serta kegigihannya seakan melampaui kudrat dan keringat yang mereka miliki. Di dalam senarai para insan unggul ini telah terselit nama Syeikh Daud, satu personaliti terbaik yang dapat dijadikan ikon di arena persada ilmu seterusnya meletakkan Pattani sebagai wilayah yang berjaya melahirkan ulama'-ulama' tersohor. Nama penuh beliau ialah al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (juga

² Wan M. Shaghir Abdullah, 1998, **Tarikh Fathani**, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur, P-15

dikatakan Wan Senik) al-Fatani.³ Ibunya bernama Nik Wan Fatimah al-Fatani⁴ merupakan seorang ibu yang amat bertuah kerana dikurniakan anak yang mampu meletakkan status agama ditempat yang paling mulia. Ibunya adalah anak Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqih) Ali Datok Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Syah) bin Sultan Muzaffar Waliullah bin Sultan Abu Abdullah Umdatuddin. Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Patani ini mempunyai lima beradik iaitu Syeikh Wan Abdul Qadir, Syeikh Wan Abdul Rasyid, Syeikh Wan Idris dan seorang adik perempuan namanya Siti Khadijah bin Abdullah al-Fathani. Syeikh Daud al-Fathani adalah keturunan Faqih Ali diperolehi tulisan Nik Mahmud Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan iaitu: “Syahdan dan pada suatu masa bulan sedang mengambang di tepi langit, tersebutlah cerita anak raja Bugis lari daripada saudaranya menumpang sebuah bahtera sampai ke Johor dan tumpang duduk berkirim diri rumah Laksamana Kota Tinggi, dipanggil Andik Ali.

Berbalik kepada Syeikh Daud al-Fatani, beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum, Kerisek, Patani. Kota Kerisek ini terkenal dalam sejarah kerana di sinilah Maulana Malik Ibrahim iaitu salah seorang Wali Songo pernah tinggal dan mengajar, sebelum berpindah ke Jawa Timur. Tahun kelahirannya tidak dapat dipastikan kerana terdapat perselisihan pendapat di kalangan penyelidik mengenainya. Dalam catatan-catatan beberapa keluarga penulis yang ada hubungan dengan beliau, ada yang mencatat tahun 1133 H, 1153 H dan tahun 1183 H.

Syeikh Daud diyakini hidup sebaya dengan seorang lagi ulama' terbilang pada ketika itu iaitu Abdullah bin Abdul Kadir Munshi yang telah memulakan sejarah hidupnya sekitar tahun 1776 hingga 1854 masihi.⁵ Penulis berpendapat berdasarkan kerja ilmiah sebelum ini, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah dilahirkan pada tahun 1774 masihi.

“Tatkala Laksamana memandang kepadanya beresalah kasihan belas dan dipeliharanya sebagai anak angkatnya sendiri. Tidak berapa tahun kemudian diperjodohkan dengan anaknya Wan Tija. Tidak berapa lama selepas itu Andik Ali serta dengan isterinya pun beredar ke Patani menumpang di rumah Mekong Damit Kampung Bira pada tahun 1049 H. “Maka kerana lemah lembut tingkah lakunya dan berpelajaran orang di Patani memanggilnya Faqih Ali. Di situ ia beristeri kepada Ce' Dewi anak Sri Biji Diraja. Baginda sampai di Patani kira-kira tahun 1637 M”.

Syeikh Daud merupakan ulama' pertama yang lahir di bumi Pattani dan merupakan seorang penulis yang memperjuangkan agama dimata penanya. Beliau lebih cenderung menghasilkan penulisan ilmiah yang berkaitan agama Islam dan sering menterjemah buku dan karya Arab dalam bahasa Melayu yang digarap semula bersama sentuhan gaya bahasa klasik. Walaubagaimanapun, istilah dan gaya penulisan Arab masih juga dikekalkan oleh beliau supaya masyarakat dapat menjiwai karya-karyanya itu dengan lebih mendalam. Beliau telah menghasilkan dua karya pertamanya pada tahun 1809 masihi sewaktu beliau berumur 35 tahun. Namun semangat dan jiwa keislaman Syeikh Daud jelas terpancar didalam dirinya yang

³ <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2008/01/salasilah-sheikh-daud-abdullah-fathani.html>

⁴ Lihat Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*.

⁵ Hassan, H., 1980, **Pertalian-Pemikiran Islam Malaysia-Acheh**, dalam Tamadun di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hlm, 55.

diasuh dan dididik dengan satu bentuk latihan keislaman seawal umurnya lapan tahun. Sistem pendidikan Islam pada masa dahulu masih belum memperkenalkan sistem peperiksaan dan peluang melanjutkan pelajaran yang lebih terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur dan jumlah pelajar. Matapelajaran juga tidak dihadkan dan mereka bebas untuk memilih subjek yang mereka ingin pelajari. Keadaan ini mengizinkan Syeikh Daud untuk belajar menyelami ilmu agama yang begitu luas diwaktu beliau berumur 25 tahun sebelum memulakan langkah sebagai seorang penulis. Hal ini disokong berdasarkan tanggapan Wan Muhd Shaghir bin Abdullah iaitu:

“Syeikh Daud telah mendapat latihan keagamaan yang pertama di Kampung Kersik, Pattani dibawah pengendalian milik keluarganya. Selepas itu, beliau telah menetap di Acheh yang mana di sana beliau telah menghabiskan masa dua tahun untuk menjalani latihan tersebut. Selepas itu, beliau meneruskan kembara ilmunya ke Kota suci Mekah dan menghabiskan masa selama tiga puluh tahun dalam menjelajahi pelbagai ilmu agama sebelum menghabiskan masa lima tahun untuk belajar di Madinah”⁶

Kegigihan dan ketekunan beliau dalam mencari pengertian Islam sebenar melayakkan beliau digelar ulama’ yang berpengaruh pada waktu itu. Beliau juga menguasai bahasa Arab dengan baik dan dikenali sebagai cendekiawan Islam yang hebat di selatan timur Asia kerana penulisan hasil penterjemahannya yang melebihi empat puluh karya yang diolah dengan bahasa yang cukup mudah dan jelas penerangannya. Hasil penulisan beliau merangkumi setiap sudut agama seperti ilmu Fiqh, Usuluddin, Lughah, Bayan, Adab, Tasawwuf, Aqidah, Tawhid dan lain-lain lagi. Kemampuan beliau menghasilkan pelbagai karya agama dalam pelbagai aspek kehidupan membolehkan Syeikh Daud digelar sebagai ulama’ besar yang menjadi pakar rujuk pada waktu itu.

Dua karyanya iaitu *Bahjatul Mardiyah* dan *Bahjatul Wardiyah* yang merupakan penulisan terakhir noktah perjalanan hidup ulama’ ulung ini telah berjaya disiapkan pada tahun 1843 masihi.⁷ Berdasarkan kepada dua buah buku tersebut, kebanyakan sumber berpendapat bahawa Syeikh Daud juga meninggal dunia pada tahun yang sama. Namun satu sumber lagi mengatakan bahawa beliau telah meninggal dunia di negeri Ta-if satu tempat yang terletak berhampiran dengan kota Mekah pada tahun 1847.⁸

“Syeikh Daud al-Fathani wafat dan dimakamkan di Taif. Kuburnya bersampingan dengan kubur Saidina Abdullah bin Abbas iaitu sepupu Rasulullah s.a.w.. Tahun kewafatannya juga belum diketahui dengan pasti. Tetapi ada yang berpendapat beliau wafat sekitar tahun 1847 M, juga ada yang menyebut tahun 1265 H.

Menurut cerita ibu penulis Hajah Wan Zainab binti Syeikh Ahmad al-Fathani, beliau mendengar daripada ibunya, Hajah Wan Siti Saudah binti Abdullah bahawa jenazah beliau telah dipindahkan oleh Sheikh Nik Mat Kecik al-Fathani ke Mekah, ditanam di bawah pohon Bedara di rumahnya.

Hal ini disebabkan pada zaman itu pihak Wahabi akan membongkar semua kubur yang dikeramatkan termasuk kubur Sheikh Daud al-Fathani. Bagi penulis, walaupun beliau telah

⁶ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 23-24.

⁷ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 25 dan 21.

⁸ *Ibid*, hlm, 22; lihat juga: Hassan, H., **Pertalian-Pemikiran Islam Malaysia-Acheh**, *passim*, hlm, 55

lama meninggal dunia namun jenazahnya tidak hancur, darah masih berjalan kecuali nafas sahaja yang tiada.”⁹

“Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (nombor 1) digelar dengan beberapa gelaran di antaranya “Syeikh Daud Waliullah, dan “Syeikh Daud Pengarang Kitab”.¹⁰

Keluarga Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al-Fatani.

Hasil perkongsian hidup antara Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris Al-Fatani dengan Nik Wan Fatimah Al-Fatani, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata¹¹ iaitu:

- 1) Syeikh Wan Daud.
- 2) Syeikh Wan Abdul Kadir.
- 3) Syeikh Wan Adur Rasyid.
- 4) Syeikh Wan Idris.
- 5) Tidak dapat dikenal pasti (dipercayai anak perempuan).

Menurut sejarah, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah berkahwin dengan seseorang namun tidak dikurniakan anak tetapi masih dapat berkongsi kasih sayang bersama anak adiknya yang dipeliharanya sewaktu kecil lagi. Adik-adiknya serta keluarga masing-masing telah menetap di Mekah manakala seorang adiknya iaitu Wan Abdur Rasyid, status kehidupannya tidak dapat diketahui kerana beliau telah mengembara sejak usia muda untuk mengembangkan ajaran Islam. Tambahan lagi, makam persemadiannya juga turut tidak dapat ditemui. Adik lelaki bongsu Syeikh Daud, Syeikh Wan Idris pula dikatakan mempunyai satu keluarga besar yang terdapat dipelbagai ceruk Selatan Timur Asia dan Kota Mekah manakala Syeikh Wan Idris mempunyai dua orang puteri yang dinamakan Wan Zainab dan Wan Fatimah yang dibesarkannya serta dididik oleh Syeikh Daud sendiri. Kedua-dua mereka mempunyai pengetahuan yang sangat dalam mengenai Al-Quran dan turut menghafalnya. Wan Zainab telah disatukan dengan Nik Wan Ahmad al-Fatani, dan hasil perkongsian hidup ini mereka telah dikurniakan seorang cahayamata lelaki yang bernama Syeikh Nik Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani. Syeikh Nik Muhammad akhirnya membesar mengikut jejak langkah pakciknya sebagai seorang yang hebat di Pattani dan penulis di Mekah.¹²

Berdasarkan kajian ilmiah yang terselit satu cerita daripada Wan Muhd Shaghir yang bertajuk “*Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara*” yang mana sewaktu Syeikh Daud masih muda lagi, seorang ulama’ hebat dari Yaman telah datang ke Kampung Kersik di Pattani kerana suatu hal dan pernah mendekati diri Syeikh Daud lalu diusap kepalanya, kemudian beliau menadah tangannya. Setiap manusia yang melihat situasi itu pasti tercengang serta menimbulkan seribu pertanyaan mengapa Syeikh Daud mendapat layanan sebegitu. Lantas Syeikh Sufi ini menerangkan tentang doanya:

⁹ <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2008/01/salasilah-sheikh-daud-abdullah-fathani.html>

¹⁰ Wan M. Shaghir Abdullah, Sejarah Ringkas Syeikh Daud Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya, *Ins: Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat*, Kuala Lumpur: Pusat Islam Malaysia, P-18.

¹¹ Dipetik daripada Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 15.

¹² *Ibid*, hlm, 15-16.

.” *Semoga Allah merahmati budak kecil ini (Syekh Daud) dan menjadikan dia sebutir bintang yang bergemerlapan, menjadikannya seperti bulan yang penuh, mentari yang memancar terang, dan jadikannya seorang ulama di bumi Melayu*”.¹³

Salasilah Syekh Daud sangat menarik untuk diketahui kerana ahli keluarga dan kerabat beliau juga terkenal sebagai ulama-ulama dan tuan guru yang hebat (lihat salasilah di bawah).


“Syekh Nawawi al-Bantani selain cucu murid Syekh Daud bin Abdullah al-Fathani juga berasal dari satu nasab dengan Syekh Daud bin Abdullah al-Fathani, yang bertemu pada Saiyid Jamaluddin Husein al-Kubra. Sahabat Syekh Nawawi al-Bantani, ialah Syekh Khalil al-Bankalani al-Maduri juga cucu murid dan satu nasab dengan Syekh Daud bin Abdullah al-Fathani. Murid Kiyai Hasyim Asy’ari (bererti cicit murid Syekh Dad bin Abdullah al-Fathani)”.¹⁴

¹³ *Ibid*, hlm, 20.

¹⁴ *Ibid*, P-7.

Salahsah Keturunan Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al-Fatani.

Syeikh Wan Abdullah b. Syeikh Wan Idris al-Fatani + Nik Wan Fatimah al-Fatani



Sejarah Pendidikan Dan Kegiatan Syeikh Daud

Sejarah pendidikan beliau bermula dengan latihan keagamaan sepertimana yang pernah dilalui oleh sebahagian ulama' Pattani sebelum itu. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang celik ilmu yang merupakan satu faktor kemunculan Syeikh Daud sebagai seorang cendekiawan Islam pada waktu itu. Beliau telah mendapat pendidikan secara tidak formal di rumah melalui didikan ayahnya, Syeikh Wan Abdullah al-Fatani dan datuknya, Syeikh Wan Idris al-Fatani yang mana kedua-duanya pada waktu itu merupakan ulama' di Pattani. Seorang daripada mereka ialah bapa saudaranya, Sheikh Shafiyuddin. Ada yang berpendapat bahawa Sheikh Daud al-Fathani menerima pelajaran asasnya di Patani selama lima tahun, kemudian ke Aceh belajar dengan Sheikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi selama dua tahun. Syeikh Muhammad Zain al-Asyi adalah seorang ulama terkemuka di Kesultanan Aceh. Selain itu beliau mendapat pendidikan yang luas melalui guru-guru dari luar negara terutamanya di daerah Timur Tengah dan Yaman. Sudah menjadi tradisi kepada masyarakat Pattani waktu itu yang memberikan pendidikan agama lebih awal kepada anak-anak mereka. Kanak-kanak pula diwajibkan menghafal pelajaran terutamanya ilmu Tawhid apabila mereka berumur diantara lima hingga enam tahun. Selepas itu, mereka didedahkan dengan pembelajaran bahasa Arab yang merangkumi pengetahuan tatabahasa (nahu) dan pembinaan kata (sorof) dengan teratur. Walaupun usia Syeikh Daud masih muda, namun dia sudah mempelajari pelbagai ilmu agama daripada ulama Melayu dan ulama' dari tanah Arab yang mempunyai keturunan dari masyarakat Pattani serta berkongsi sumber ilmu untuk kepentingan bersama.¹⁵

Syeikh Daud telah menghabiskan masa selama lebih kurang tiga puluh tahun bagi melengkapkan kembara ilmunya yang bermula sewaktu beliau di zaman kanak-kanaknya lagi. Dalam tempoh itu, beliau pernah meninggalkan Pattani untuk ke wilayah Aceh dan kemudiannya menghabiskan lima tahun terakhirnya ke Kota Madinah untuk mencari bekal ilmu sebanyak yang mungkin.¹⁶ Kemudiannya beliau di lantik menjadi seorang ulama' dan penulis di Kota Mekah dengan membawa gelaran al-Alim al-Allamat al-Arif ar-Rabbani dari perwakilan kerajaan Turki yang berpangkalan di Mekah. Disebabkan masa belajar yang lama itu beliau digelar al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani. Amat jarang sekali ulama' Melayu yang mendapat gelaran "al-Arif ar-Rabbani" dan pencapaian Syeikh Daud ini seharusnya dipuji dan diteladani.¹⁷ Setelah demikian lama beliau menuntut ilmu pengetahuan, maka beliau pulang ke Pattani untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di negeri tumpah darah sendiri. Namun timbul krisis peperangan antara Patani dengan Siam pada ketika itu. Dirwayatkan bahawa beliau melibatkan diri dalam peperangan itu, terjun secara langsung di gelanggang jihad fi sabilillah. Apabila terjadi peperangan tersebut, akhirnya beliau kembali ke Mekah bersama-sama beberapa pelarian politik. Sekali lagi Syeikh Daud mendapat penghormatan apabila beliau telah dilantik sebagai Syeikh Haji di Kota Mekah oleh perwakilan kerajaan Turki di Mekah yang sememangnya menyedari ketokohan beliau dalam bidang ilmu agama. Istilah itu pertama kali diperkenalkan dan Syeikh Daud merupakan Muslim Melayu pertama di Selatan Timur Asia yang digelar sedemikian.¹⁸ Kesibukan ini tidak menghalang Syeikh Daud mengarang penulisan ilmiah mengenai ilmu agama dan turut diundang sebagai tenaga pengajar di Masjid al-Haram. Beliau menulis buku dalam dua versi bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab walaupun pada ketika itu, karya penulisan Arabnya tidak tersebar luas di Selatan Timur Asia. Cuma

¹⁵ *Ibid.*, hlm, 23.

¹⁶ *Ibid.*, hlm, 24.

¹⁷ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 24.

¹⁸ *Ibid.*, hlm, 25.

penulisan Melayunya yang bertajuk Kitab Jawi mengungguli karya-karya pada waktu itu serta tersebar luas di kepulauan Melayu.¹⁹

Pada mukadimah karyanya *Bughyatut Thullab*, beliau menulis, ertinya “Dan adapun kemudian daripada itu maka bahawasanya beberapa nafas yang cerdik-cerdik yang menuntut bagi beberapa martabat yang tinggi-tinggi sentiasa perangnya itu di dalam menghasilkan beberapa ilmu syarak. Beliau juga membuat penafsiran dalam beberapa hadis. Antaranya hadis berikut, “Sedikit Fiqh itu lebih baik daripada banyak ibadat” yang ertinya: “Barang siapa belajar ilmu dan tiada berkehendak dengan dia akan wajah Allah s.w.t., tiada kerana-Nya melainkan supaya mengena dengan dia akan kehendaknya daripada dunia tiada akan bilik syurga yang ke atas pada hari kiamat”.

Beliau mengulas tentang hadis-hadis tersebut dalam *Bughyatut Thullab* seperti berikut: “Maka dapat difahami hadis ini, tiada dipuji daripada kelebihan ilmu itu melainkan jikalau ada qasadnya dan tuntutnya itu berkehendak dengan dia akan wajah Allah s.w.t. dan berkehendak ia mengeluarkan dirinya daripada kelim kabut jahilnya kepada Nur ilmu.

“Maka jika ada qasadnya akan dunia seperti harta atau kebesaran atau gelaran atau kemegahan atau masyhur atau melengkapinya muka manusia kepadanya dan lainnya maka iaitu dicela seperti barang yang tersebut pada hadis itu”.

Menurut beliau lagi: “Maka tatkala adalah kelebihan ilmu demikian itu maka sebenarnya bahawa tiap-tiap orang yang kasih bagi dirinya kebajikan maka hendaklah ia ijtihad atas qadar kuasa pada menghasilkan dia, kadang-kadang mengaji, kadang-kadang mengajar, kadang-kadang menunjukkan orang yang jahil satu bab daripada masalah memberi manfaat pada agama istimewa pula jikalau lebih lagi”.

Walaupun beliau banyak menghasilkan penulisan yang bermutu, namun tidak semua manuskrip penulisan Syeikh Daud ini dapat disalin semula oleh murid-muridnya kecuali hanya sebahagian bukannya yang berjaya diadaptasi disamping lontaran pendapat dan idea Syeikh Daud yang masih dikekalkan.²⁰ Sebagaimana didalam catatan Wan Muhd Shaghir:

*Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani telah menyalin kerja kerja penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan dikalangan mereka diberi gelaran “Manhalus Shafi”.*²¹

Ramai juga diantara penulis buku yang mana penulisannya di salin semula dengan sentuhan yang agak berbeza daripada manuskrip asal. Oleh itu, masalah yang timbul adalah bagaimana menentukan samada tulisan tersebut dikarang oleh penulis asal atau telah disalin semula.

Adapun pendapat Syeikh Daud al-Fathani bahkan ulama'-ulama' di zaman lampau lebih terikat dan menitikberatkan pendidikan Islam berbanding pendidikan lainnya. Menurut Islam, yang utama dipelajari ialah belajar akan memberi faham dua kalimah syahadat, wajib taharah (bersuci), solat, puasa, hukum zakat, hukum berjual-beli menurut Islam dan lain-lainnya, semuanya telah diatur dalam fikah Islam. Syeikh Daud al-Fathani dalam *Bughyatut Thullab*

¹⁹ *Ibid*, hlm, 25.

²⁰ Lihat Dr. Matheson, V. dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 20.

²¹ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 38, no.4; lihat juga Hawash Abdullah, 1980, **Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara**, al-Ikhlash-Surabaya, hlm, 142-143.

berkata: “Selagi seseorang masih tidak mengerti akan seluk belok tentang keIslaman, maka seseorang itu tetap masih jahil, walau pengetahuan lain masih dikuasai demikian rupa”.

Guru-guru Syeikh Daud.

Syeikh Daud telah mengambil keputusan untuk menetap di Mekah dan di sana beliau telah memulakan latihan pengajian ilmunya bersama seorang guru yang bernama Syeikh Muhammad Saleh bin Abdur Rahman al-Fatani, iaitu merupakan salah seorang guru yang menjadi tenaga pengajar di masjid al-Haram. Selain itu seorang lagi cendekiawan yang berpengetahuan luas mengenai ilmu bidang Syariah dan Hakikat (Fiqh dan Tasawwuf) turut menjadi guru Syeikh Daud yang lebih cenderung ke arah ajaran sufi.²² Berdasarkan satu sumber, Syeikh Daud telah menyertai Tarikat Samaniyyah yang dibawa oleh Syeikh Ali bin Ishak al-Fatani. Menurut satu sumber yang lain, dipercayai bahawa Syeikh Daud pernah melibatkan diri dalam Tarikat Samaniyyah yang diajar terus oleh Muhammad bin Abdul Karim Samman al-Madani.²³

Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah menjalani latihan pengajian agamanya bersama ramai pendidik yang mempunyai pelbagai mazhab namun beliau tetap berpegang kepada mazhab Syafie dan menjadi pengikut setia ahli Sunnah Wal Jamaah. Pergaulan yang luas dengan pelbagai lapisan masyarakat menjadikan beliau insan yang kaya dengan pengalaman dan ilmu yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti perubatan, matematik dan ilmu falak. Walaupun beliau turut terdedah dengan pelbagai ideologi dan pengaruh politik. Namun, pendirian yang tegas terhadap ideologi Islamnya membuatkan dirinya tidak pernah terpengaruh dengan ideologi-ideologi tersebut terutama mengenai polisi wilayah tempat tinggalnya. Beliau berpendapat negara yang tidak menjalankan undang-undang Islam masih belum boleh dianggap sebagai negara Islam.²⁴

Keghairahan Syeikh Daud dalam menimba pelbagai ilmu membuatkan dirinya menyertai Tarikat Syatariyyah yang diasaskan oleh Syeikh Murshid Arif Billah, Alias Saydi Syeikh Muhammad As'ad. Guru terakhirnya ialah Asy-Syeikh As-sayyid Ash-Sharif Ahmad al-Marzuki telah mengajar satu ilmu mistik yang mana mampu berkomunikasi dengan Jin²⁵ yang dipanggil “Ilm al-Ladaniyyah” yang bermaksud ilmu yang disampaikan oleh Tuhan melalui bisikan hati. Asy-Syeikh As-sayyid Ash-Sharif Ahmad al-Marzuki juga telah menulis buku yang bertajuk “Tashilu Nailil Mauram” dan Syeikh Daud menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Syeikh Daud memulakan penulisannya dengan menterjemah buku-buku gurunya itu dengan menyebut nama-nama gurunya iaitu al-Alim al-Fadl al-Allamat al-Bahrul Fahman Abdul Fauz As-Sayyid Ahmad al-Marzuki ibnu al-Marhum As-Sayyid Ash-Sharif Muhammad Ramadan al-Husani yang mana dihubungkan pula dengan Kutub Arifal-Wafi Sayyidi Marzuki al-Kafi. Syeikh Daud kemudiannya mengaitkan hubungan gurunya dengan keturunan Nabi Muhammad SAW.²⁶

Berikut adalah salasilah perkembangan Tarikat Syatariyyah melalui tokoh-tokoh berpengaruh yang ditulis oleh Syeikh Daud dalam bukunya: *Kaifiyyat Khatam Qur'an* hasil penulisan tangannya:²⁷

²² Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *ibid*, hlm, 30.

²³ *Ibid*, hlm, 30.

²⁴ *Ibid*, hlm, 31.

²⁵ *Ibid*, hlm, 31-32.

²⁶ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 32.

²⁷ *Ibid*, hlm, 32-33.

1. Syeikh Daud bin Abdullaha al-Fatani, diperolehi daripada
2. Al-Arif Billah Saydi Syeikh Muhammad As'ad, diperolehi daripada
3. Bapanya, Syeikh Muhammad Sayyid Tahir, diperolehi daripada
4. Bapanya, Sydi Syeikh Ibrahim al-Madani, diperolehi daripada
5. Bapanya, al-Arif Billah Syeikh Muhammad Tahir, diperolehi daripada
6. Bapanya al-Arif Billah Mula Ibrahim al-Kurani, diperolehi daripada
7. Al-Arif Billah Sydi Ahmad al-Kusyasyi, diperolehi daripada
8. Abdil Muwahib Abdulla bin Ahmad at-Tanawi Taibullah, diperolehi daripada
9. Sultan Arifin Sydi Sibghatullah, diperolehi daripada
10. Sydi Wajhuddin al-Alawi, diperolehi daripada
11. Sydi Muhammad Ghaust, diperolehi daripada
12. Syeikh Haji Hushur, diperolehi daripada
13. Awliya' Allah al-Arifin Syeikh Hidayatullah Sarmasat, diperolehi daripada
14. Syeikh al-Mashaikh al-Alam Syeikh Kadi Syatari, diperolehi daripada
15. Syeikh Abdullah as-Syatari, diperolehi daripada
16. Sydi Muhammad Arif, diperolehi daripada
17. Sydi Muhammad Ashif, diperolehi daripada
18. Arif Billah Syeikh Hadakali, diperolehi daripada
19. Syeikh Hassan al-Kharkani diperolehi daripada
20. Syeikh Abil Muzaffar Tarkut Tusi, diperolehi daripada
21. Syeikh Yazilul Ishki, diperolehi daripada
22. Al-Arif Billah Syeikh Muhammad maghribi, diperolehi daripada
23. Sultan Arifin Syeikh Abi Yazid al-Bistami, diperolehi daripada
24. Imam Ja'far Sidik, diperolehi daripada
25. Imam Muhammad Bakir, diperolehi daripada
26. Imam Zain al-Abidin, diperolehi daripada
27. Imam Husein as-Shahid bin Ali, diperolehi daripada
28. Syyidina Ali bin Abi Talib, diperolehi daripada
29. Nabi Muhammad SAW, diwahyukan oleh Allah melalui
30. Malaikat Jibril AS.

“ Dalam silsilah Thariqat Syathariyah, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani adalah peringkat cucu murid Syeikh Ibrahim bin Muhammad Thahir. Murid Syeikh Ibrahim bin Muhammad Thahir, adalah anak beliau bernama Syeikh Muhammad Sa'id Thahir, bererti sahabat Tuan Muda 'Abdur Rahman Khudari bin Wan 'Ali al-Fathani. Murid Syeikh Muhammad Sa'id Thahir pula adalah anaknya bernama Syeikh Muhammad As'ad. Syeikh Muhammad As'ad inilah yang membai'ah kepada Syeikh Thariqat Syathariyah kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. ”²⁸

²⁸ Wan M. Shaghir, Syeikh Daud Bin Abdullah, *Ins: Seminar Pemikiran Ulama'*, Pattani: Kolej Islam Prince of Songkla University, P-5.

Berikut adalah hubungan dikalangan guru-guru yang mengajar Tarikat Samaniyyah iaitu:²⁹

1. Syeikh Daud bi Abdullah al-Fatani, diperolehi daripada
2. Syeikh Ali bin Ishak al-Fatani, diperolehi daripada
3. Syeikh Muhammad Saleh bin Abdur Rahman al-Fatani, diperolehi daripada
4. Syeikh Abu Hassan, diperolehi daripada
5. Maulana Syeikh Hasib, diperolehi daripada
6. Sydi Syeikh Muhammad bin Abdul Karim Saman, diperolehi daripada
7. Arif Billah Syeikh Mustafa al-Bakri, diperolehi daripada
8. Syeikh Abdul Latif, diperolehi daripada
9. Syeikh Mustafa Afandi Adranawi, diperolehi daripada
10. Syeikh Ali Afandi Karbasyi, diperolehi daripada
11. Syeikh Ismail al-Jarwi, diperolehi daripada
12. Sydi Umar Fu'adi, diperolehi daripada
13. Syeikh Muhyiddin al-kastamuni, diperolehi daripada
14. Syeikh Sya ban Afandi al-Kastamuni, diperolehi daripada
15. Syeikh Khairuddin as-Syawkani, diperolehi daripada
16. Jamalul Khalwati, diperolehi daripada
17. Bir Muhammad al-Arzanjani (al-Azbahani), diperolehi daripada
18. Syeikh Abi Zakariyya Asrawaki al-Bakuni, diperolehi daripada
19. Bir Sadruddin, diperolehi daripada
20. Akha Muhammad Balusi, diperolehi daripada
21. Abi Ishak Ibrahim az-Zahidi Alkailani, diperolehi daripada
22. Jamaluddin al-Ahwal Zi, diperolehi daripada
23. Shihabuddin al-Tibrizi, diperolehi daripada
24. Rukhuddin Muhammad an-Najasyi (Nuhas), diperolehi daripada
25. Kutbuddin al-Abhari, diperolehi daripada
26. Abin Najib s-Sahruwardi, diperolehi daripada
27. Syeikh Umar Al-Bakri, diperolehi daripada
28. Syeikh Wajihuddin al-Kat'i, diperolehi daripada
29. Syeikh Muhammad al-Bakri, diperolehi daripada
30. Syeikh Muhammad ad-Dainuri, diperolehi daripada
31. Syeikh Mamsadu ad-Dainuri, diperolehi daripada
32. Syeikh Junid al-Baghdadi, diperolehi daripada
33. Surri as-Sakti, diperolehi daripada
34. Ma'ruf al-Karkhi, diperolehi daripada
35. Daud at-Ta'I, diperolehi daripada
36. Sydi Habib al-'Ajami, diperolehi daripada
37. Hasan al-Baseri, diperolehi daripada
38. Sayyidina Ali bin Abi Talib, diperolehi daripada
39. Sayyidina Muhammad SAW diperolehi daripada Allah melalui
40. Malaikat Jibril AS.

Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah mendapat peluang untuk bertemu dengan seorang ahli agama yang hebat dari Universiti Cairo yang bernama Imam Syarkawi. Ulama' ini mempunyai ramai pelajar dan diantaranya ialah Syeikh Muhammad bin Ali Shirwani yang

²⁹ *Ibid*, hlm, 33-34.

bernama Imam Shirwani, yang mana sebaya dengan Syeikh Daud. Kedua-duanya mempunyai kaitan dengan Imam Abu Hasan al-Sha'ri dari segi ilmu Usuluddin yang diterima daripada Syeikh Isa bin Ahmad al-Barawi. Salasilah di bawah menunjukkan bagaimana Syeikh Isa menimba ilmunya sehingga digelar ulama terkemuka pada waktu itu.³⁰

1. Syeikh Isa bin Ahmad al-Barawi, berguru dengan
2. Syeikh Ahmad ad-Dafri, berguru dengan
3. Salim bin Abdullah al-Bashri, berguru dengan
4. Abdullah bin Salim bin Abdullah al-Bashri, berguru dengan
5. Muhammad bin al-Ala' al-Babali, berguru dengan
6. Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Ghamini, berguru dengan
7. Syeikh Shamsu Muhammad bin Ahmad Ar-Ramli, berguru dengan
8. Syeikh Zakariya al-Anshari, berguru dengan
9. At-Tuka Muhammad bin Muhammad bin Fahd, berguru dengan
10. Al-Majdil Laghwi, berguru dengan
11. Sarjul Kazwini, berguru dengan
12. Abu Baker Muhammad al-Harwi, berguru dengan
13. Iman Fakhruddin Muhammad bin Umar Ar-Razi, berguru dengan
14. Dhia'ul Umar Ar-Razi, berguru dengan
15. Abil Kasim al-Isfarashani, berguru dengan
16. Ustaz Abi Ishak al-Isfarachani, berguru dengan
17. Abil Hasan al-Bahali, berguru dengan
18. Iman Abil Hasan Ali bin Ismail bin Ali Burdah bin Salim bin Ismail bin Abdullah bin Kabas, salah seorang sahabat Rasulullah SAW.

Di bidang pengajian Usuluddin pula, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani mempunyai hubungan dengan Imam Abu manshur al-Maturidi di dalam lapangan ilmu Usuluddin. Syeikh Daud juga dikatakan menyertai Tarikat Syatariyyah daripada gurunya iaitu Sydi Muhammad yang dipertanggungjawab oleh ayahnya Syeikh Ibrahim al-Madani untuk mengembangkan ajaran tarikat tersebut. Berdasarkan kepada salasilah *Tarikat Syatariyyah*, guru Syeikh Ibrahim ialah Syeikh Ahmad al-Kusyasyi yang mempunyai talian ilmu Usuluddin sebagaimana yang disenaraikan dibawah iaitu:³¹

1. Syeikh Ahmad al-Kusyasyi, berguru dengan
2. Syeikh Shamsuddin Muhammas Ar-Ramli, berguru dengan
3. SyeikhSyeikh Zakariya al-Anshari, berguru dengan
4. Syeikh Ibnu Hajar, berguru dengan
5. Asy-Shamsu Muhammad al-Kurasyi, berguru dengan
6. Syeikh Abi Hajjaj al-Kasakri, berguru dengan
7. Al-Hisan Husen bin Ali As-Saftawi, berguru dengan
8. Muhammad bin Muhammad An-Nusfi, berguru dengan
9. An-Najmu Umar bin Husen An-Nusfi, berguru dengan
10. Shadrudin Muhammad bin Husen An-Nusfi, berguru dengan
11. Husen An-Nusfi, berguru dengan
12. Husien bin Abdul Karim An-Nusfi, berguru dengan
13. Abdul Karim An-Nusfi, berguru dengan

³⁰ *Ibid*, hlm, 35-36.

³¹ *Ibid*, hlm, 37.

14. Al-Imam Abu Manshur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud bin Husein al-Maturidi, radiyallahu anhu.

Kegiatan Dan Gerak Kerja Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani

Syeikh Daud bin Abdullah telah menyumbangkan pelbagai peranan dalam membina kecemerlangan Islam di Pattani sesuai dengan statusnya sebagai ulama' yang hebat ketika itu. Beliau sentiasa mempunyai misi dalam merencanakan agenda Islam bagi merencanakan lagi usaha-usaha pementapan aqidah. Beliau telah merintis pelbagai kegiatan dakwah melalui penulisan dan hasil karya yang menjadi medan dalam memperjuangkan agama Islam. Buku-buku dan hasil kerja yang disumbangkan oleh beliau merupakan satu wasilah dalam mengembangkan syiar Islam serta meningkatkan kefahaman tentang ajaran Islam bagi mengelakkan kecelaruan mengenai ajaran itu di dalam masyarakat. Diantara hasil kerja dan buku- buku yang dihasilkan oleh beliau ialah:

1. Al-Kar bu Ilallah
2. Al-Bahjatul Mardiyyah
Teks mengenainya tidak dapat dikenal pasti. namun menurut Wan Muhd Shaghir, teks ini telah siap dihasilkan pada tahun 1259 A.H/1843 A.D.³²
3. Al-Bahjatul Wardiyyah
Tiada perincian mengenai teks ini, namun teks ini juga telah disiap dihasilkan pada tahun 1259 A.H / 1843 A.D.³³
4. Basyar-ir al-Ikhwan bi Asbab al-Maut 'al al-Iman
(بشائر الإخوان بأسباب الموت على الإيمان)
5. Bulughul Maram (بلوغ المرام)
Wan Muhd Shaghir mencatatkan bahawa teks ini telah siap dihasilkan pada tahun 1227 A.H / 1812 A.D.³⁴
6. Bughayatut Thullab li Murid Ma'rifatil Ahkami bis Shawab
(بغية الطلاب لمريد معرفة الأحكام بالصواب)

Teks ini menekankan tentang isu pandangan Ibadah berdasarkan kritikan dan ulasan daripada *Minhaj Nawawi al-Talibin*, dikalangan mereka ialah *Tuhfah Ibn Hajar al-haitami*, *Nihayah Ramli dan fath al-Wahab zakariya al-Ansari*.

7. Dhiyaul Murid fi Bayani Kalimatit Tawhid

(ضياء المرید فی بیان کلمة التوحید)

Teks ini telah diterjemah oleh Syeikh Daud yang mempunyai 103 muka surat dan isu yang menjadi aduan penting dalam kandungan teks tersebut mengenai Tawhid. Buku ini diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan al-Ma'rif tetapi tidak dicatatkan tarikh buku ini

³² Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 46 dan 33.

³³ *Ibid*, hlm, 46 dan 34.

³⁴ *Ibid*, hlm, 46 dan 19.

diterbitkan. Menurut Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, Syeikh Daud telah menterjemahkan teks tersebut semasa lawatan beliau ke lapangan di Raja Sultan Muhammad Shafiuddin, Kampung Parit, Sambas.³⁵

8. Ad-Durruts Tsamin fi 'Aqaidil Mu'minin

(الدر الثمين في عقائد المؤمنين)

Ia merupakan satu teks pendek berkenaan Iktikad dan kepercayaan. Beliau telah menyiapkan hasil terjemahannya di Mekah pada tahun 1232 A.H./ 1816-1817 A.D.³⁶

9. Al-Fada'il Bidayat al-Hidayah.

Muhammad Uthman El-Muhammady dalam bukunya "Peradaban dalam Islam" mencatatkan bahawa teks ini adalah terjemahan daripada penulisan Imam al-Ghazali yang ditulis semula ke dalam bahasa Melayu. Wan Muhd Shaghir bin Abdullah menyatakan bahawa beliau memiliki salinan asal teks tulisan tangan Syeikh Daud yang dikarang di dalam bahasa Arab. Didalam teks tersebut, Syeikh Daud telah menulis satu perenggan syair yang memuji Imam al-Ghazali Hujjatul Islam. Di akhir hasil terjemahannya, beliau mencatatkan tarikh penterjemahannya siap pada hari Khamis petang. 14 Sya'ban 1253 A.H./1837 A.D.³⁷

10. Fat-hul Mannan Tarjamah li Shafwatiz Zubad

(فتح المنان ترجمة لصفوة الزبد)

Tiada perincian mengenai teks ini. Walaubagaimanapun, tarikh Syeikh Daud menyiapkan terjemahannya dapat diketahui iaitu pada hari Ahad, 16 Ramdhan 1249 A.H./ 1838 A.D.³⁸

11. Furu'ul Masail wa Ushulul Wasail

(فروع المسائل وأصول الوسائل)

Buku ini adalah karya utama Syeikh Daud berkenaan undang-undang dan kepercayaan. Syeikh Daud menterjemahkan buku ini berdasarkan Fatwa Ramli dan Kashf al-Anam al-Ilah al-Anam oleh Husain bin Muhd al-Mahalli. Tarikh sebenar karangan itu diterbitkan tidak dicatatkan tetapi menurut sumber yang dipercayai bahawa ia telah diterbitkan di Mekah pada 1257 A.H. / 1841 A.D. Teks ini mempunyai dua bahagian yang masing-masing mempunyai 275 dan 394 muka surat. Teks ini mula diterjemah oleh Syeikh Daud pada tahun 1254 A.H. dan berjaya disiapkan pada tahun 1257 A.H. /1841 A.D.³⁹ Buku ini amat terkenal dan mendapat pasaran yang meluas di wilayah Pattani dan Malaysia yang boleh dianggap sebagai buku pegangan undang-undang Islam serta kepercayaan dan pegangan. Ramai ulama' dahulu dan kini berpendapat buku ini adalah rujukan terbaik mengenai undang-undang Islam dan pegangan yang ditulis dalam bahasa Melayu.

12. Ghayatut Taqrib fil Irtsi wat Ta'shib

³⁵ *Ibid*, hlm, 39 dan 1; lihat juga: Dr. Matheson, V. dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 22.

³⁶ Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 21; lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *ibid*, hlm, 55-56.

³⁷ Lihat: Muhammad Uthman El-Muhammady, 1976, Peradaban dalam Islam, Khota bharu, Pustaka Aman Press, hlm, 231; lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 49-51.

³⁸ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm 46, no.29 dan 55.

³⁹ Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 22.

Teks ringkas yang mengandungi 24 muka surat tentang sistem pembahagian harta (Fara'id) berdasarkan mazhab al-Shafie dan diterjemah oleh Syeikh Daud ke dalam bahasa Melayu. Teks ini telah dicetak oleh Syarikat Penerbitan al-Ma'arif di Pulau Pinang dan telah siap dibukukan pada tahun 1226 A.H./1811 A.D.⁴⁰

13. Hidayatul Muta'allim

Buku yang menekankan aspek iman, hukum Feqah, Usuluddin serta pegangan dan kepercayaan. Ia merupakan di antara karya yang utama dan termasyhur nukilan Syeikh Daud. Teks ini telah siap dihasilkan pada tahun 1224 A.H./ 1809 A.D.⁴¹

14. Idhahul Albab li Muridin Nikahi bis Shawab

(إيضاح الألباب لمريد النكاح بالصواب)

Ia merupakan satu buku panduan prosedur perkahwinan yang meliputi masalah mas kahwin, perceraian dan lain-lain lagi. Buku ini telah dapat dihasilkan sepenuhnya pada tahun 1224 A.H./1809 A.D. Buku ini dicetak di Pulau Pinang oleh Syarikat Penerbitan al-Ma'arif.⁴²

15. Jamu' ul Fawaid wa Jawahirul Qalaid

(جمع الفوائد وجواهر القلائد)

Kitab ini mengandungi senandung nasihat yang merangkumi setiap sudut masalah dan etika hidup bagi mencapai kesejahteraan seperti perbincangan mengenai sifat sabar, kelebihan hari-hari dan bulan-bulan yang dimuliakan di dalam Islam, hak wanita ke atas suami dan sedikit kupasan tentang zikir dan solat-solat yang digalakkan bagi tujuan tertentu. Buku ini telah siap disempurnakan pada tahun 1239 A.H./1823 A.D.⁴³

16. Al-Jawahirus Saniyah fi Syarhi 'Aliyah wa Ahkamil Fiqhiyatil Mardhiyah wa Thariqi Suluki Thariqatil Muhammadiyah

(جواهر السنية في شرح عقائد العلية وأحكام الفقهية المرضية وطريق سلوك طريقة الحمديّة)

Buku ini membincangkan secara meluas mengenai ilmu Usuluddin, hari Pembalasan, malaikat, penyucian hati, solat, puasa, haji, wakaf dan sistem pembahagian harta, prosedur perkahwinan, perceraian, masalah jual-beli di dalam masyarakat. Buku ini telah dapat disiapkan pada tahun 1252 A.H./1836 A.D. di Taif.⁴⁴

17. Kanzul Minan

Tiada penerangan lanjut mengenainya tetapi menurut sumber Wan Muhd Shaghbir, buku ini berjaya disiapkan pada tahun 1240 A.H./1824 A.D.⁴⁵

⁴⁰ *Ibid*, hlm, 22-23; lihat juga Wan Muhd Shaghbir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 46.

⁴¹ Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 25; lihat juga Wan Muhd Shaghbir bin Abdullah, *ibid*, hlm, 46.

⁴² Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 23.

⁴³ *Ibid*, hlm, 23; lihat juga Wan Muhd Shaghbir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 46 dan no.23.

⁴⁴ Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 23-24.

⁴⁵ Wan Muhd Shaghbir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 46 dan no.25.

18. Kasyful Ghummah fi Ahwalil Mauta fil Barzakhi wal Qiyamah

(كشف الغمة في أحوال الموتى في البرزخ والقيامة)

Teks ini membicarakan hal kehidupan selepas mati dan penjelasan yang jelas tentang hari pengadilan di depan Tuhan serta gambaran yang tepat mengenai malaikat dan tempoh di antara kematian dan hari dibangkitkan semula. Teks ini berdasarkan kerja ilmiah Syeikh Jalaluddin as-Sayuti dan Syeikh Abdul Wahab ash-Sha'rani yang bertajuk *Mukhtasar Tazkirah Qurtubi*. Syeikh Daud telah mengadun semula kandungan buku tersebut dan berjaya disiapkan pada malam Rabu, 20 Rabi'ul Awwal 1238 A.H./1822 A.D.⁴⁶

19. Kifayatul Muhtaj (كفاية المحتاج)

Sebuah buku karangan pendek alam versi Melayu tentang perjalanan Nabi Muhammad ke Syurga melalui rujukan buku *Arabic Kissah Mikraj al-Nabi* karangan Ghaiti dan sebahagiannya dikupas oleh al-Kalyubi. Buku tersebut memberi gambaran secara rambang mengenai penghuni pelbagai syurga dan neraka yang telah disediakan oleh Allah SWT. Ini merupakan buku Melayu pertama yang membicarakan perjalanan nabi ke syurga dan berjaya disiapkan pada tahun 1224 A.H./1809 A.D.⁴⁷

20. Kifayatul Muhtadi wa Irsyadul Muhtadi @ Irsyadul Athfalil Muhtadi-in fi 'Akaidid Din wal Ad'iyatun Nafi'ah lid Din

كفاية المبتدي وإرشاد المهتدي / إرشاد الأطفال المبيدئين في عقائد الدين والأدعية النافعة للدين

Teks yang mengupas isu Tawhid seperti rukun iman dan sepuluh perkara yang boleh membatalkan syahadah (iman).⁴⁸

21. Kifayat al-Jawwiyyah.

Tiada perincian mengenai buku ini.

22. Kaifiyat Khatami al-Qur'an

Teks ini menerangkan cara dan adab membaca Al-Quran dan disertai doa yang bersesuaian dengannya.⁴⁹

23. Manaikul Hajj wal-Umrah

Penulis tidak dapat keterangan tentang isi kandungan buku ini tetapi kita boleh menjangkakan bahawa buku ini membicarakan prosedur haji dan umrah. Buku ini telah siap dibukukan pada tahun 1229 A.H./1813 A.D.⁵⁰

24. Manhalus Shafi fi Bayani Ramzi Ahlis Shufi

(منهل الصافي في بيان رمز أهل الصوفي)

Buku yang mengupas isu Tawhid; berdasarkan Muhammad Uthman El-Muhammady, teks ini adalah diantara teks yang mempunyai kaitan ilmu Metafizik. Teks ini masih

⁴⁶ *Ibid*, hlm, 56; lihat juga Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 24.

⁴⁷ Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 24; lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara*, *passim*, hlm, 55.

⁴⁸ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *Ibid*, hlm, 49, no. 4 dan 52.

⁴⁹ *Ibid*, hlm, 53.

⁵⁰ *Ibid*, hlm, 46, no. 20.

dijadikan rujukan ulama'ulama' di Malaysia dan dipercayai bahawa teks ini telah disusun oleh Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani. Diantara ilmu yang menjadi intipati buku ini ialah ilmu Kosmologi, Ontology dan status Mutlak al-Tajjalli yang berada ditahap al-Ahadiyah. Menurut Wan Muhd Shaghir, manuskrip ini telah disalin semula oleh Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa dan tiada sebarang perincian mengenainya.⁵¹

25. Minhaj al-Abidin

Buku ini adalah karya yang dirujuk melalui buku karangan Imam al-Ghazali tentang ilmu Tasawwuf dan diterjemah oleh Syeikh Daud ke dalam bahasa Melayu. Namun tiada keterangan lanjut mengenainya. Menurut Wan Muhd Shaghir, buku ini siap dibukukan pada tahun 1240 A.H./1824 A.D.⁵²

26. Minhatul Karib

Tiada perincian mengenainya.

27. Munityatul Musolli

Ia merupakan satu risalah ringkas yang hanya mempunyai 37 muka surat yang mana terkandung didalamnya petikan risalah Al-Bahjah yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Daud. Risalah ini disiapkan di Mekah pada tahun 1242 A.H./1826-1827 A.D.⁵³

28. Mutabah Syatariyyah

Tiada perincian yang lanjut mengenai teks ini berdasarkan judul, buku ini mungkin membincangkan tentang Tarikat Shattariyya.

29. Muzakaratul Ikhwan (مذاكرة الإخوان)

Mutiara nasihat daripada Syeikh Daud yang menyeru manusia agar takutkan Allah SWT. Teks ini telah disiapkan pada 25 Ramadhan, tetapi tahun diterbitkan tidak dinyatakan.⁵⁴

30. Nahjur Raghabin wa Sabilul Muttaqin

(نهج الراغبين وسبيل المتقين)

Tiada perincian lanjut mengenai karya ini, tetapi dinyatakan tarikh teks ini disiapkan pada 1226 A.H./1811 A.D.⁵⁵

31. Kitabush Shaidi waz Zabaih (كتاب الصيد والذبايح)

32. Risalatul Masail (رسالة المسائل)

Tiada perincian mengenai risalah ini.

33. Kisah Nabi Yusuf A.S

⁵¹ Lihat Muhammad Uthman El-Muhammady, *passim*, hlm, 228; lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 53.

⁵² Lihat ⁵² Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 24; lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 46 dan 24.

⁵³ Keterangan lanjut, sila rujuk, Dr. Matheson, V, dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 24-25.

⁵⁴ Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 55.

⁵⁵ *Ibid*, hlm, 46 dan no.17.

Tiada perincian lanjut mengenainya.

34. Warduz Zawahir li Hilli Alfazhi 'Iqdil Jawahir

(ورد الزواهر لحل ألفاظ عقد الجواهر)

Teks ini membincangkan tentang ilmu Usuluddin yang diterjemah oleh Syeikh Daud ke dalam bahasa Melayu. Ia mempunyai 432 muka surat dan selesai ditulis pada tahun 1245 A.H./1829 A.D.⁵⁶

35. Faraidul Fawaid al-Fikri fil Imam al-Mahdi (فرائد الفوائد الفكر في الإمام المهدي)

36. Dhiya'ul Lum'ah fi Shalatiz Zhuhr Ba'da al-Jum'ah

(ضياء اللمعة في صلاة الظهر بعد الجمعة)

37. 'Ilmut Tashawuf (علم التصوف)

38. Saudagar Miskin / Saudagar Yahya

(سوداكر مسكين / سوداكر يحيا)

39. 'Iqdatul Jawahir (عقدة الجواهر)

40. Sullamul Muftadi fi Ma'rifati Thariqatil Muhtadi

(سلم المبتدي في معرفة طريقة المهتدي)

41. Perhubungan Bughyatut Thullab (فرهوبوغن بغية الطلاب)

42. Sifat Dua Puluh (كتاب صفت دوا فوله)⁵⁷

Pengkaryaan Atau Penulisan

Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani

“Terdapat karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang bercorak sastera, termaktub dalam dua kelompok besar ialah:

1. Karya Yang Benar-Benar Bercorak Sastera
2. Karya Sastera Dalam Disiplin Ilmu-Ilmu Yang Lain

Dalam kedua-dua kelompok di atas yang dikenalpasti karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang bercorak sastera ialah terdiri daripada:

- a) Puisi/Syair/Nazam
- b) Hikayat
- c) Manaqib
- d) Sejarah/Tarikh
- e) Kisah/Cerita
- f) Kata Hikmah

⁵⁶ *Ibid*, hlm, 56-57.

⁵⁷ Wan M. Shaghir Abdullah, Syeikh Daud Al-Fatani, *Ins*: Majlis Tazkirah Tokoh Islam Syeikh Daud Al-Fatani Kali Ke 2, Muar: Dewan Sek. Men. Sains Muar Tg. Agas, P-9-24.

Contoh Karya Yang Benar-Benar Bercorak Sastera:

- *Kifayat al-Muhtaj fi Bayani Isra' wa al-Mi'raj* (salah sebuah manuskrip dinyatakan tahun 1204 H/1789 tetapi dalam semua cetakan dinyatakan tahun 1224 H/1809 M).
- *Tarikh Patani* (1228 H/1813 M).
- *Maulud Nabi* (8 Muharam 1230 H/1815 M).
- *Saudagar Miskin* (15 Ramadan 1233 H/1817 M).
- *Al-Muswaddah* (9 Rabiulawal 1234 H/1818 M).
- *'Iqdat al-Jawahir* (20 Safar 1245 H/1829 M).

Contoh Karya Sastera Dalam Disiplin Ilmu-Ilmu Yang Lain:

a) Puisi/Syair/Nazam

- * Puisi-Puisi Nasihat yang dimuat dalam *Jam'ul Fawaid* (1239 H/1823 M).
- * Puisi Terjemaham Matan Zubad dalam *Fath al-Mannan li Safwat az-Zubad* (20 Safar 1249 H/1833 M)

b) Hikayat

- * Hikayat Nabi Yunus, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 138-140.
- * Hikayat Hasan al-Asy'ari Berhujah Dengan Jubbai, dalam *ad-Durr ath-Thamin dan Ward az-Zawahir*, hlm. 93.

c) Manaqib

- * Manaqib Saiyidina Abu Bakar Siddiq, dalam *Fath al-Mannan*, hlm. 32.
- * Manaqib Saiyidina Umar al-Faruq, dalam *Fath al-Mannan* hlm. 33.
- * Manaqib Saiyidina Usman bin 'Affan, dalam *Fath al-Mannan*, hlm. 33-34.
- * Manaqib Saiyidina Ali bin Abi Talib, dalam *Fath al-Mannan*, hlm. 35.
- * Manaqib Imam Hanafi, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 191-192, *Fath al-Mannan*, hlm. 39.
- * Manaqib Imam Maliki, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 193-194, *Fath al-Mannan*, hlm. 39.
- * Manaqib Imam Syafi'e, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 187-191, *Bughyat at-Tullab*, hlm. 6-8, *Fath al-Mannan*, hlm. 38-39.
- * Manaqib Imam Hambali, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 194-195, *Fath al-Mannan*, hlm. 39.
- * Manaqib Junaid al-Baghdadi, dalam *Ward az-Zawahir* hlm. 196-197.

d) Sejarah/Tarikh

- * Sejarah Perang Badar, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 176-178.
- * Sejarah Perang Uhud, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 178-181.

e) Kisah/Cerita

- * Kisah Adam dan Hawa Dalam Syurga dan Sebab Keluar Keduanya Dari Syurga, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 333-336.
- * Kisah Nabi Yusuf 'Alaihis Salam, dalam *Jam'ul Fawaid*, hlm. 16-63.
- * Kisah Nabi Sulaiman dan Bulqis, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 224-233.

* Kisah Nabi Muhammad S.A.W Membelah Bulan, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 154-155.

* Kisah Israk dan Mi'raj Nabi Muhammad S.A.W, dalam *Ward az-Zawahir*, hlm. 165-168,

Jam'ul Fawaid, hlm. 82-95".⁵⁸

Para Pengikut Dan Murid-Murid Syeikh Daud

Sebagai seorang ulama' yang hebat dan produktif, kepemimpinan Syeikh Daud sentiasa menjadi perhatian para pencinta ilmu yang sentiasa dahagakan santapan ilmiah. Tidak hairanlah sekiranya Syeikh daud memiliki ratusan pengikut dan pelajar-pelajarnya yang terdiri daripada seluruh pelusuk Nusantara. Usaha-usaha pengembangan dakwah dan ilmu agama dibawah pimpinan Syeikh Daud terus dipelopori oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani yang telah menjadi ulama' yang berkaliber yang muncul mencontohi keunggulan Syeikh Daud. Ternyata kesungguhan beliau mencurahkan segala ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya membuahkan hasil apabila sebahagian besar anak didiknya turut menempa nama sebagai ulama' dan tokoh agama yang cukup dihormati selepas itu. Di antaranya murid-murid beliau ialah:⁵⁹

A) Dari Pattani:

15. Syeikh Ali bin Ishak al-Fatani (terkenal dalam gerakan Tarikat Samaniyyah dan merupakan seorang ulama' di Mekah).
16. Syeikh Abdul Kadir bin Abdur-Rahman bin Usman al-Jawi al-Fatani (seorang guru Tasawwuf di kota Mekah)
17. Syeikh Abdul Kadir bin Abdur-Rahman al-Fatani (seorang ulama' dan penulis di Terengganu).
18. Syeikh Abdul kadir bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (seorang ulama' di Mekah).
19. Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (ulama' di Mekah)
20. Haji Muhammad Saleh Khatib al-Fatani.
21. Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani (ulama' dan penulis di Mekah).
22. Haji Wan Musa al-Fatani.
23. Lebai Din Long Nik al-Fatani.

B) Dari Malaysia:

1. Syeikh Abdul Samad bin Fakhir Pulau Condong al-Kelantani. (Ulama' Kelantan)
2. Syeikh Abdul Malik bin Isa al-Kelantani. (Ulama' Kelantan)

⁵⁸ Wan M. Shaghir Abdullah, Peranan dan Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik, *Ins: Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, P-2/ P-6-7.

⁵⁹ Lihat untuk contoh, Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *Ibid*, hlm, 37-41, lihat juga Wan Muhd Shaghir, 1985, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara** (1), C.V. Ramadhani, Solo, Indonesia, hlm, 130-131.

c) Dari Indonesia

1. Syeikh Zainuddin Aceh.
2. Syeikh Zainuddin bin Muhammad al-Badawi As-Sumbawi.
3. Syeikh Ahmad Khatib Sambas.
4. Sultan Muhammad Shafiuddin, Sultan Sambas.
5. Raja Haji Ahmad, Riau.
6. Raja Ali Haji bin Ahmad, Riau.

Tidak hairanlah seandainya Syeikh Daud dianggap penulis Islam yang produktif di Asia Tenggara kerana atas kesungguhan beliau memperjuangkan Islam dengan caranya tersendiri. Sumbangan beliau yang begitu banyak dalam merencanakan agenda Islam di kepulauan Nusantara juga tidak harus dilupakan. Amat bersesuaian sekiranya beliau digelar “Bapa Peneraju Islam di wilayah Pattani.”-sementara Pattani pada waktu itu adalah pusat kecemerlangan ilmu dan tamadun. Sebagaimana ulama’-ulama’ terkemuka yang lain, nama beliau juga dibariskan disaf kepimpinan unggul dan tercatat dalam ensiklopedia Islam sebagai Dawud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.⁶⁰

Rujukan

- Hassan, H., 1980, *Pertalian-Pemikiran Islam Malaysia-Acheh*, dalam *Tamadun di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- P, Voorhoeve’s, 1965, Dawud B. Abd Allah B. Idris AL-FATANI, dalam *Encyclopedia Islam*, London, LUZAC and Co., Vol.II, C-G.
- Wan M. Shaghir Abdullah, 1998, *Tarikh Fathani*, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur.
- Wan Muhd Shaghir, 1985, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara (1)*, C.V. Ramadhani, Solo, Indonesia.
- Wan M. Shaghir Abdullah, *Peranan dan Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al- Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*, *Ins: Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-fathani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara*.
- <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com/2008/01/salasilah-sheikh-daud-abdullah-fathani.html>

⁶⁰ Lihat P, Voorhoeve’s, 1965, **Dawud B. Abd Allah B. Idris AL-FATANI**, dalam *Encyclopedia Islam*, London, LUZAC and Co., Vol.II, C-G, hlm, 183.